

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

KKM sambut baik keputusan elak penularan jangkitan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) menyambut baik, keputusan pengisytiharan darurat di Parlimen Batu Sapi, kerana ia boleh membantu mencegah penularan jangkitan COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata KKM sejak dari awal lagi, melahirkan kebimbangan terhadap risiko penularan pandemik itu, jika pilihan raya diadakan.

Beliau berkata, ia berikutan peningkatan kes dan isu yang timbul selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) dijalankan di Sabah pada akhir September lalu.

"Memang KKM dari awal lagi, amat bimbang sekiranya ada pilihan raya, sama ada Pilihan Raya Kecil (PRK), PRN atau Pilihan Raya Umum (PRU).

"Syor KKM dari dulu lagi, jika boleh, elakkan pilihan raya. Inilah pendapat KKM.

"Kalau boleh amat penting untuk mengelakkan PRK (diadakan)

 **Syor KKM dari dulu lagi, jika boleh, elakkan pilihan raya. Kalau boleh amat penting untuk mengelakkan PRK (diadakan).**

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

supaya kita dapat mencegah penularan COVID-19 dalam negara," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham mengulas persetujuan Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan Proklamasi Darurat terhadap Parlimen Batu Sapi, Sabah, bagi mengelak PRK sebagai langkah proaktif membendung gejala wabak COVID-19.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Malaysia, China bangunkan vaksin

Perjanjian fokus kerjasama perangi pandemik secara agresif

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia dan China semalam memeterai perjanjian membabitkan usaha membangunkan vaksin COVID-19 yang selamat serta berkesan.


Perjanjian berkenaan memfokus kepada kerjasama erat antara kedua-dua negara bagi memera-

ngi secara agresif pandemik COVID-19.

Ia ditandatangani Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, manakala China diwakili rakan sejawatnya, Wang Zhigang dalam satu majlis yang diadakan secara maya.

Satu kenyataan bersama Kementerian Luar dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyebut, perjanjian terbabit akan beroperasi di bawah pemantauan Jawatankuasa Tinggi, dipengerusikan bersama Datuk Seri Hishammuddin Hussein serta rakan sejawat dari China, Wang Yi.

"Kerjasama ini sudah dipersetujui pada 13 Oktober lalu, bagi



Khairy dan Wang Zhigang menunjukkan dokumen perjanjian antara Malaysia dan China bابتkan usaha membangunkan vaksin COVID-19 yang selamat serta berkesan.

mempromosikan kerjasama pragmatik dan pendekatan lebih serius dalam menangani cabaran pasca pandemik," kata kenyataan itu.

Terdahulu pada majlis peme- teraian itu, Khairy dan Wang Zhigang berkata, kedua-dua negara bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam menangani segala isu berkaitan COVID-19 menerusi diplomasi sains.

"Perjanjian ini membolehkan Malaysia mendapat keutamaan

memperoleh bekalan vaksin COVID-19 yang dibangunkan China, perkongsian ilmu dan kepakaran, selain kemudahan saintifik serta keupayaan teknologi.

"Ia bagi membolehkan pemban- gunan vaksin dilakukan dengan lebih canggih dan maju di ke- dua-dua negara," tambah kenya- taan itu.

Kedua-dua negara juga akan sal- ing menyokong penyertaan sek- tor awam dan swasta, termasuk universiti, institusi, persatuan

serta pertubuhan dalam kerjasa- ma berkenaan.

"Turut mendapat persetujuan kedua-dua kerajaan ialah usaha menggalakkan lebih banyak perniagaan mengukuhkan aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta bekalan.

Perjanjian itu sah untuk tempoh hingga lima tahun dan di- lanjutkan secara automatik sela- ma setahun pada satu-satu masa, tertakluk kepada persetujuan ke- dua-dua belah pihak.

SOP wajibkan saring pekerja asing diputus esok

Kuala Lumpur: Kerajaan akan membuat keputusan esok berhu- bung prosedur operasi standard (SOP) untuk mewajibkan kira- kira 1.7 juta pekerja asing di negara ini menjalani ujian saringan CO- VID-19 secara berkala.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata mesyuarat Majlis Kese- lamatan Negara (MKN) pada Ju- maat (esok) akan memperinci dan memutuskan SOP ujian saringan, termasuk pembiayaannya serta tempoh masa ujian berkala ter- babit.

"Kita sudah berbincang dengan PERKESO dan mereka setuju tanggung sebahagian kos dari- pada 1.7 juta pekerja, yang mem- bayar (mencarum di bawah PER- KESO) satu juta (pekerja).

"PERKESO hanya bayar RM150 bagi setiap PCR (Polymerase Chain Reaction test). Kos sebenar ujian RM300 hingga RM350, ba- kinya pekerja akan bayar. Kita juga menimbang supaya majikan boleh tanggung. Kita juga ada ca- dangkan RTK antigen kerana kos- nya sekitar RM30 sahaja, kalau buat sendiri pun tidak terlalu mahal," katanya pada sidang me- dia, semalam.

Katanya, kerajaan juga menga- mbil kira risiko jika kebenaran ujian saringan terbabit dilaksana membabitkan keseluruhan pekerja- ja asing berkenaan boleh menim-

bulkan kesesakan di klinik dan hospital.

Mengulas perkembangan sama, Menteri Kanan (Infrastruktur), Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata pihaknya sedang meneliti sama ada langkah mewajibkan semua pekerja asing di tapak pembinaan menjalani saringan COVID-19 se- tiap dua minggu seperti di Singa- pura, boleh dilaksanakan di ne- gara ini.

Katanya, peraturan itu adalah antara langkah bagi mengetatkan SOP dalam usaha mengurangkan penularan COVID-19 di tapak pembinaan, selain di perumahan mereka. Kerajaan mahu cari jalan terbaik mengurangkan risiko pe-

Kerajaan juga ambil kira risiko jika kebenaran ujian saringan terbabit dilaksana bابتkan keseluruhan pekerja asing berkenaan boleh menimbulkan kesesakan di klinik dan hospital.

Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Kanan (Keselamatan)

nularan dan menjadikan tapak pembinaan lebih selamat.

"Kita akan berhubung dengan pemain industri sama ada pa- raturan mewajibkan ujian saringan COVID-19 setiap dua minggu ini boleh dibuat untuk pekerja asing di tapak pembinaan negara ini," katanya pada sidang media Pasca Belanjawan 2021 Kementerian Kerja Raya, semalam.

Sementara itu, dalam perkem- bangan lain, Ismail Sabri berkata, kerajaan tidak bercadang melak- sanakan Perintah Kawalan Per- gerakan Diperketatkan (PKPD) di seluruh Lembah Klang berikutan peningkatan mendadak kes CO- VID-19 ketika ini. Sebaliknya, PK- PD hanya dilaksana di kawasan lebih khusus yang merekodkan kes jangkitan tinggi.

"Kita boleh buat penilaian ri- siko kerana peningkatan menda- dak kes di Selangor. Kita sudah buat dua PKPD di Medan 88 Sepang dan Meru di Kapar, peru- manan pekerja Top Glove.

Kerajaan mengenakan PKPD di Medan 88, Salak Tinggi di Sepang bermula 12 November hingga 25 November ini sementara PKPD selama 14 hari dikuatkuasakan di asrama pekerja asing Top Glove Corp Bhd di Meru, Klang, mulai kelmarin membabitkan 5,700 pe- kerja.

Beliau turut memaklumkan ba- hawa sempadan negara masih di-



Kalitangan Kementerian Kesihatan mengambil ujian saringan COVID-19 kepada seorang pekerja di sebuah tapak pembinaan di Penampang, Sabah.

(Foto Malai Rosmah Tuah/BH)

tutup dengan kawalan keluar ma- suk terus diperketatkan bagi mengelak penularan jangkitan ba- ru dari negara jiran.

Berhubung perkembangan PK- PD, Ismail Sabri berkata, perintah itu di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Tawau, Penjara Sandakan dan Kuarters Penjara Taman Wi-

ra, Sandakan akan dilanjutkan 14 hari lagi hingga 3 Disember.

Keputusan itu diambil susulan Kementerian Kesihatan (KKM) masih merekodkan jumlah kes ak- tif dan bilangan sampel saringan COVID-19 yang belum mendapat keputusan bagi dua lokaliti ter- babit.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

KKM buka pusat kawalan bersepadu Lembah Klang

Penubuhan bantu lancarkan tadbir urus, operasi hospital, pusat kuarantin

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) menubuhkan Pusat Kawalan Bersepadu COVID-19 di Wilayah Tengah bagi membantu melancarkan tadbir urus dan pengoperasian semua hospital serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Ab-

dullah, berkata dengan adanya pusat kawalan bersepadu itu, ia secara tidak langsung dapat membantu melancarkan pengurusan wabak COVID-19 di kawasan berkenaan.

"Pusat kawalan ini diketuai Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman dan akan dibantu Pakar Perubatan Kecemasan dari Hospital Sungai Buloh (HSgB), Dr Sarah Shaikh Abdul Karim sebagai timbalannya," katanya pada sidang media, semalam.

Mengenai kesiapsiagaan COVID-19 di Lembah Klang, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya sudah meningkatkan jumlah katil sebanyak 14 kali ganda, iaitu daripada 345 ke 4,739 katil di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Di HSgB jumlah katil sudah ditingkatkan kepada 630 diikuti di Hospital Kuala Lumpur (HKL), iaitu 631, Pihak kementerian tu-

rut menukar status Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) kepada hospital hibrid COVID-19 dengan 230 katil.

"Kita turut membuka semula lapan blok Institut Latihan KKM (ILKKM) di Sg Buloh sebagai

Dengan adanya pusat kawalan bersepadu itu, ia secara tidak langsung dapat membantu melancarkan pengurusan wabak COVID-19 di kawasan berkenaan.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

PKRC dengan kapasiti 2,400 katil dan meneruskan penggunaan Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) sebagai PKRC yang memuatkan sebanyak 648 katil," katanya.

Dr Noor Hisham memaklumkan pada peringkat awal gelombang ketiga COVID-19 di negara ini, pihaknya hanya menggunakan HSgB dan HKL sebagai hospital rawatan COVID-19.

Bagi Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) pula ia dijadikan sebagai PKRC bagi pesakit kategori 1 dan 2 di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Namun, peningkatan jumlah pesakit COVID-19 di kawasan ini mengakibatkan hospital berkenaan mencatatkan kadar penggunaan katil yang tinggi dan kita terpaksa menambah bilangan katil bagi menampung kemasukan pesakit susulan lonjakan kes positif di Lembah Klang," katanya.

Elaun khas petugas kesihatan diberi secara bersasar

Putrajaya: Pemberian elaun khas COVID-19 kepada petugas kesihatan adalah secara bersasar dan terhad kepada mereka yang melakukan skop tugas berkaitan dengan COVID-19.

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Seri Dr Chen Chaw Min, berkata pemberian itu juga bukan berterusan, sebaliknya pegawai yang tidak lagi melaksanakan skop kerja berkaitan COVID-19, tidak lagi layak menerima bayaran elaun khas ini.

"Pegawai dan anggota kesihatan yang sebelum ini tidak dibayar elaun khas berkenaan, mereka akan menerima bayaran elaun khas ini sekiranya diarah melakukan skop tugas berkaitan dengan COVID-19 oleh Ketua Jabatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Chaw Min berkata, sebahagian besar pegawai dan petugas kesihatan masih melaksanakan skop tugas seperti biasa dan bertugas di fasiliti kesihatan yang bukan dikhaskan untuk saringan dan rawatan wabak.

Beliau berkata demikian bagi menjawab artikel dikeluarkan oleh sebuah akhbar berbahasa Inggeris pada 7 September lalu bertajuk *Not all Penang Hospital staff receive allowance*.

Chaw Min berkata, seperti yang dimaklumkan sebelum ini, kerajaan bersetuju memberikan elaun khas COVID-19 sebagai menghargai pengorbanan dan komitmen petugas kesihatan yang berisiko dijangkiti wabak berkenaan ketika melaksanakan skop tugas yang diberikan.

"Perkara ini dijelaskan terperinci menerusi Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Bilangan 2 Tahun 2020 dan Surat Edaran Ketua Setiausaha Kementerian bertarikh 21 April 2020," katanya.

Dalam pada itu, mengenai pemberian elaun khas COVID-19 di Hospital Pulau Pinang, Chaw Min berkata, pihaknya mengesahkan semua petugas kesihatan diarah dan masih bertugas dalam rantaian pengurusan COVID-19 sudah menerima elaun khas berkenaan.

"Jumlah elaun khas dibayar kepada petugas kesihatan di Hospital Pulau Pinang bagi tempoh Mac hingga September 2020 adalah RM3,076,300.

"Pengurusan Hospital Pulau Pinang juga mengadakan beberapa siri libat urus dengan pegawai bagi menjelaskan mengenai kelayakan diberi elaun khas ini dan keperluan pegawai dibabitkan secara langsung dalam pengurusan wabak COVID-19 di hospital itu," katanya.

Kes jangkitan kembali 3 angka, 8 kluster baharu

Putrajaya: Kes baharu positif COVID-19 semalam kembali menurun tiga angka, iaitu 660 menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 50,309.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia menjadikan jumlah kes aktif dan kebolehan jangkitan COVID-19 di negara ini sebanyak 12,814.

Katanya, daripada jumlah itu, ada empat kes import dikesan mendapat jangkitan dari luar negara, iaitu dua dari Turki dan masing-masing satu dari India dan Arab.

"Sabah mencatatkan sebanyak 387 kes baharu, iaitu 58.6 peratus daripada keseluruhan kes semalam, manakala di Lembah Klang 173 dilaporkan menunjukkan penurunan 66.6 peratus berbanding jumlah kes dilaporkan kelmarin.

"Selain itu, 171 kes atau 25.9 peratus dikesan dalam kluster di penjara dan Pusat Tahanan Sementara," katanya di sini, semalam.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan empat kematian dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian disebabkan

COVID-19 sebanyak 322 kes bersamaan 0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.


Katanya, kes kematian itu masing-masing dua dikesan di Ipoh, Perak dan Sandakan, Sabah membabitkan tiga wanita dan seorang lelaki yang mempunyai penyakit kronik.

Sementara itu, sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), terdapat 630 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh di negara ini 37,254 bersamaan 73.9 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan lapan kluster baharu dikenal pasti, iaitu tiga di beberapa daerah di Sabah serta masing-masing satu di sekitar Lembah Klang, Putrajaya, Pulau Pinang, Sarawak dan Johor.

Katanya, kluster pertama di Sabah dikesan di Lahad Datu sebagai Kluster Sabaru dan menjangkiti 88 individu, termasuk 70 kes baharu semalam.

Bagi kluster kedua dikesan di Ranau sebagai Kluster Tomher dan kini menjangkiti 20 individu dan kluster ketiga direkod di Tawau, iaitu Kluster Garden yang menjangkiti 11 individu.



Petugas kesihatan membuat ujian saringan di asrama pekerja sebuah syarikat di Meru, Klang. (Foto Eizaltri Shamsudin/BH)

"Kluster keempat dikesan di Putrajaya, Petaling dan Sepang dikenali Kluster Putra-18 dan menjangkiti tujuh individu.

"Kluster kelima pula dikesan di Cheras, Kepong dan Petaling dikenali sebagai Kluster Murni. Kluster ini menjangkiti tujuh individu," katanya.

Katanya, kluster keenam dikenali sebagai Kluster Pasir dikesan di daerah Timur Laut di Pu-

lau Pinang yang kini menjangkiti 11 individu, manakala Kluster Besi Demak dikesan di Kuching, Sarawak kini sudah menjangkiti lima individu.

"Kluster kelapan dikenali sebagai Kluster Parit Kassan, dikesan di Tangkak, Johor dan Melaka Tengah di Melaka.

"Kluster ini menjangkiti 11 individu, termasuk kes baharu semalam," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

660 penularan harian, 630 pesakit sembuh dengan empat kematian direkodkan

Kes positif Covid-19 melebihi 50,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Angka kes positif Covid-19 di seluruh negara kini melebihi 50,000 dengan pertambahan 660 kes baharu semalam menjadikan jumlah keseluruhan terkini sebanyak 50,390 kes.

Sebanyak 387 kes baharu atau 58.6 peratus direkodkan di Sabah, manakala Lembah Klang mencatatkan 173 kes iaitu penurunan 345 kes atau 66.6 peratus berbanding kelmarin.

Terdapat pertambahan empat kes kematian di Perak dan Sabah melibatkan tiga wanita dan seorang lelaki berusia antara 59 hingga 80 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit menjadikan sebanyak 322 kes kematian terkini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat lapan kluster baharu dikenal pasti semalam dan satu daripadanya Kluster Sabaru di Lahad Datu dengan kes indeks ialah saringan bergejala telah dimasukkan ke Hospital Lahad Datu.

Menurutnya, susulan itu se-


banyak 87 lagi kes positif dikesan daripada saringan komuniti di kawasan setempat dan kesemuanya telah dimasukkan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah, Sepagaya.

"Kluster Tomher pula di Ranau melibatkan 20 kes positif iaitu pekerja buruh binaan hasil saringan kumpulan berisiko tinggi dan telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah, Dewan Kompleks Sukan Ranau.

"Seterusnya, Kluster Garden di Tawau iaitu kes indeks saringan bergejala dan susulan itu 10 lagi kontak rapat dikesan positif serta telah dimasukkan ke Hospital Tawau," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Putra-18 pula di Putrajaya serta di Petaling dan Sepang, Selangor dengan kes indeks saringan bergejala telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh sekali gus mengesan enam kes positif dalam kluster ini.

"Kluster Murni pula di Cheras dan Kepong, Kuala Lumpur serta Petaling, Selangor melibatkan tu-



TINJAUAN di Pasar Seni, Kuala Lumpur yang lengang tanpa pengunjung berikutan pandemik Covid 19. – SHIDDIEQIIN ZON

juh kes positif dengan kes indeks saringan bergejala dan kesemuanya dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Bagi Kluster Seri Pasir dikenal pasti di Timur Laut, Pulau Pinang membabitkan 11-kes positif iaitu kes indeks hasil saringan berge-

jala dan kesemuanya dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang," katanya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, satu lagi kluster ialah Kluster Besi Demak di Kuching, Sarawak melibatkan lima kes positif dengan kes indeks hasil

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	660
• Import: 4 Tempatan: 656	
• Pulih	630
• Kematian	4
• Masih dirawat	12,814
• Jumlah kes sembuh	37,254
• Jumlah Kematian	322
Jumlah kes keseluruhan	50,390

saringan bergejala dan kesemuanya dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak.

Ujarnya, Kluster Parit Kassin pula dikesan di Tangkak, Johor dan Melaka Tengah, Melaka melibatkan 11 kes positif dengan kes indeks ini saringan bergejala dan dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor.



PEKERJA Top Glove di Klang menunggu bekalan makanan di hadapan asrama mereka kelmarin. – ZULFADHLI ZAKI

Tidak perlu PKPD di Lembah Klang

Oleh NUR HUDA MUSA

PETALING JAYA – Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lembah Klang berikutan peningkatan kes Covid-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, PKPD hanya akan dilaksanakan di kawasan tertentu yang merekodkan kes tinggi.

"Kita boleh buat penilaian risiko kerana peningkatan men-

dadak kes Covid-19 di Selangor. Setakat ini, kita sudah laksanakan dua PKPD iaitu di Medan 88 Sepang dan Meru, Kapar membatalkan perumahan pekerja Top Glove.

"Setakat ini kerajaan tidak merancang untuk menutup seluruh Wilayah Persekutuan dan Selangor kerana kita boleh lakukan secara bersasar," katanya menerusi sidang akhbar menerusi Facebook Kementerian Pertahanan semalam.

Terdahulu, Ketua Pengarah

Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, peningkatan mendadak kes Covid-19 di Lembah Klang sejak kebelakangan ini disebabkan peningkatan kes berkaitan dengan tempat kerja.

Menurutnya, itu berikutan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah pusat tumpuan warga pekerja.

Kepadatan penduduk di Lembah Klang juga menjadi salah satu faktor meningkatnya kadar kebolehhangkitan Covid-19.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Kadar kematian di Malaysia rendah

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) mendedahkan kadar kematian akibat Covid-19 di Malaysia berada pada tahap rendah iaitu sembilan kematian bagi setiap sejuta penduduk.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr. Rohaizat Yon berkata, berdasarkan data antarabangsa, Worldometer.info, kematian bagi setiap satu juta penduduk di Amerika Syarikat adalah 741, United Kingdom (732), Filipina (70) dan Indonesia (54).

Beliau berkata, analisis menunjukkan kematian di negara ini kebanyakannya terdiri daripada pesakit berusia 50 tahun ke atas iaitu sebanyak 85.4 peratus.

"Lain-lain faktor utama yang turut menyumbang kepada kematian pesakit Covid-19 di Malaysia adalah bilangan komorbiditi yang dihadapi seperti penyakit darah tinggi, kencing manis dan jantung serta jangka masa pe-

Perbandingan kadar kematian Covid-19 di Malaysia dengan negara lain

NEGARA	JUMLAH KES KUMULATIF	JUMLAH KES SEMBUH	JUMLAH KEMATIAN	KEMATIAN/ 1 JUTA PENDUDUK
AMERIKA SYARIKAT	10,568,714	6,602,517	245,943	31,862
UNITED KINGDOM	1,233,775	N/A	49,770	732
INDONESIA	444,348	375,741	14,761	54
FILIPINA	399,749	361,919	7,661	70
MALAYSIA	42,050	30,304	300	9

Sumber: Worldometer.info setakat 11 November 2020

sakit mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.

"Pelbagai strategi dirancang dan dilaksanakan KKM telah menunjukkan kesan positif di mana kadar kematian yang direkodkan setakat ini di Malaysia adalah 0.6 peratus masih rendah berbanding rekod kematian di negara

lain," katanya menerusi kenyataan di Facebook KKM semalam.

Tambahnya, perjuangan memutuskan rantaian penularan Covid-19 masih belum selesai dan Kementerian berusaha mempertingkatkan kadar sembuh dan mengurangkan kadar kematian.

Penghuni Medan 88 beri kerjasama baik

SEPANG – Kira-kira 126 penghuni dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Medan 88, Bandar Baru Salak Tinggi (BBST) mulai menjalani ujian saringan Covid-19 secara berperingkat.

Ini berikutan arahan pihak berkuasa sebelum ini yang mengarahkan penghuni terdiri majikan setiap premis dan pekerja kedai serta pejabat di Medan 88 tampil menjalani ujian saringan Covid-19.

Ketetapan menjalani ujian saringan selama dua hari itu bermula kelmarin dari pukul 8 pagi hingga 1 tengah hari.

Tinjauan *Kosmo* di kawasan itu mendapati, rata-rata penghuni di Medan 88 memberi kerjasama yang baik.

Kebanyakannya tampil menjalani ujian saringan berkenaan seawal pukul 8 pagi secara berperingkat.

Difahamkan, kedai runcit yang dibuka hanyalah untuk penghuni Medan 88 membeli

barangan asas, bagaimanapun waktu operasi ditetapkan sehingga pukul 2 petang.

Sementara itu, seramai lapan lagi penduduk di Medan 88 yang menghilangkan diri dari kawasan itu dilaporkan sudah pulang menyerah diri semalam.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, setakat semalam seramai 42 penduduk sudah pulang.


"Setakat ini jumlah penduduk yang direkodkan adalah seramai 383 individu termasuk dua warga tempatan yang pulang selepas selesai menjalani rawatan Covid-19 di Hospital Sungai Buloh," katanya.

PKPD di kawasan itu diumumkan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, bermula 12 November lalu sehingga 25 November membabitkan 88 unit rumah kedai, 284 premis dan seramai 800 penduduk.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19



PEKERJA syarikat Top Glove menjalani saringan Covid-19 susulan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di asrama pekerja wanita di Meru, semalam.

Kes positif menurun

Sabah kekal penyumbang tertinggi, empat kematian direkodkan

Oleh Yasmizal Dolah
Aling & Ekhwan Haque
Fazlul Haque
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jumlah kes positif Covid-19 menurun dengan 660 kes direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu menjadikan kes positif di Malaysia sebanyak 50,390 kes dengan kes aktif sebanyak 12,814 kes sehingga jam 12 tengah hari.



Menurutnya, Sabah terus mencatatkan jumlah kes positif tertinggi dengan 387 kes

direkodkan manakala negeri di Lembah Klang menunjukkan penurunan apabila hanya 173 kes direkodkan.

"Daripada keseluruhan kes yang direkodkan, hanya empat kes membabitkan kes import dari Turki, India dan Arab Saudi.

"Sehingga kini, terdapat 103 kes positif sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan 41 kes memerlukan

bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, empat kematian direkodkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan 322 kes.

Katanya, pesakit yang meninggal dunia masing-masing seorang lelaki dan tiga wanita berusia 59 hingga 80 tahun.

"Jumlah kes pulih hari ini (semalam) sebanyak 630 kes menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya adalah 37,254 kes," katanya.

“
Hanya empat kes
membabitkan kes
import dari Turki,
India dan Arab
Saudi
Dr Noor Hisham

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

KKM, empat kementerian komited tangani masalah mental

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bekerjasama dengan empat kementerian bagi meningkatkan kesejahteraan kesihatan mental masyarakat khususnya dalam kalangan remaja dan belia.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, kerjasama itu dijalinan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Ini kerana, katanya, KKM menyedari bahawa permasalahan ke-

sihatan mental turut dipengaruhi oleh faktor sosial dan bukan masalah kesihatan semata-mata.

"KKM sudah mengambil inisiatif mengemukakan permohonan peruntukan untuk pelaksanaan program kesihatan mental, pencegahan kecederaan dan keganasan serta penyalahgunaan substans. Sebanyak RM24 juta diluluskan semasa pembentangan Belanjawan 2021.

"Di seluruh Malaysia perkhidmatan kesihatan mental dilaksanakan di 1,001 klinik kesihatan di peringkat primer, empat institusi mental dan 66 hospital KKM," katanya pada soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan **Nor Azrina Surip (PH-Merbok)**, minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana KKM memperluaskan hala tuju dan liputan kesihatan mental dan tidak hanya dilihat sebagai masalah kesihatan semata-mata supaya dapat mewujudkan masyarakat yang penyayang, inklusif dan berdaya tahan.

Dr Adham berkata, perkhidmatan kaunseling dan psikologi diberikan oleh seramai 148 Pegawai Psikologi (Kaunseling) KKM.

Selain itu, katanya, terdapat tambahan seramai 200 pegawai psikologi kaunseling ditempatkan di daerah seluruh Malaysia bagi

memperkuatkan perkhidmatan kesihatan mental, pencegahan kecederaan dan keganasan dan penyalahgunaan substans.

"Penempatan ini akan turut menyokong perkhidmatan kaunseling oleh JKM di lapangan," katanya.

Menurutnya, beberapa program turut diadakan KKM bersama kementerian lain seperti Program Minda Sihat Sekolah yang dilaksanakan bersama KPM di 2,440 sekolah menengah dan 7,780 sekolah rendah.

Program itu katanya, bagi mempromosikan kesihatan mental dan mengenalpasti pelajar yang mengalami masalah emosi atau ting-

kah laku.

"Program Pearl (Program Ekspresi Anak Remaja Lestari) memfokuskan kepada kemahiran daya tindak/tahan dan resiliensi dalam kalangan pelajar bagi menangani masalah seperti buli atau tingkah laku berisiko.

"Program Siswa Sihat (Prosis) di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) secara kolaborasi bersama KPT.

"Berkolaborasi dengan pihak KPWKM dalam pelaksanaan program Perkhidmatan Sokongan Psikososial dan menyokong Program Kafe@Teen," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

660 kes baharu, 4 kematian

8 kluster baharu, 3 diisytihar tamat

656 kes penularan tempatan, selebihnya dari Turki, India dan Arab Saudi

PUTRAJAYA

Selepas merekodkan bilangan kes harian empat angka sejak 13 November lalu, kes baharu positif pandemik koronavirus (Covid-19) di Malaysia turun kepada tiga angka iaitu 660 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaru itu menjadikan angka kumulatif positif Covid-19 berjumlah 50,390 kes dengan bilangan kes aktif pula sebanyak 12,814 kes.

Katanya, 630 kes pulih direkodkan dalam tempoh 24 jam lepas.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 656

kes ialah penularan dalam negara, manakala empat lagi kes import yang mendapat jangkitan di Turki sebanyak dua kes, India (satu) dan Arab Saudi (satu).

"Bagi penularan dalam negara melibatkan kes di Sabah sebanyak 387 kes, Selangor (139), Negeri Sembilan (31), Kuala Lumpur (29), Pulau Pinang (16), Perak (16), Labuan (13), Kedah (11), Melaka (empat), Sarawak (tiga), Johor (tiga), Kelantan (tiga) dan Putrajaya (satu)," katanya pada sidang akhbar perkembangan harian Covid-19 di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat empat kes kematian direkodkan menjadikan jumlah terkumpul kematian akibat Covid-19 sebanyak 322 kes.

"Pada masa ini, sejumlah 103 kes dirawat di unit rawatan rapi dengan 41 memerlukan bantuan pernafasan," katanya.



DR NOOR HISHAM

Jelasnya, KKM mengambil beberapa langkah menampung kemasukan pesakit susulan lonjakan kes positif Covid-19 di Lembah Klang antaranya menambah jumlah katil rawatan di Hospital Sungai Buloh (HSgB) kepada 630 katil dan Hospital Kuala Lumpur (HKL) kepada 831 katil serta menukar status Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) kepada Hospital Hibrid Covid-19 dengan 230 katil.


"Selain itu, kita juga membuka semula lapan blok Institut Latihan KKM (ILKKM) Sungai Buloh sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 bersiko rendah (PKRC) dengan kapasiti 2,400 katil dan meneruskan penggunaan Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) sebagai PKRC dengan kapasiti semasa 648 katil," katanya. - *Bernama*

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti lapan kluster baharu, manakala tiga kluster diisytihar telah tamat semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tiga kluster baharu melibatkan Sabah iaitu Kluster Sabaru, Kluster Tomber dan Kluster Garden manakala yang lain ialah Kluster Putra-18 (Putrajaya, Selangor), Kluster Murni (Kuala Lumpur, Selangor), Kluster Seri Pasir (Pulau Pinang), Kluster Besi Demak (Sarawak) dan Kluster Parit Kassin (Johor, Melaka).

Beliau berkata, tiga kluster diisytiharkan tamat iaitu Kluster Kencana (Selangor, Johor, Kuala Lumpur dan Terengganu), Kluster Bah Sintok (Kedah, Negeri Sembilan dan Selangor) serta Kluster Seri Anggerik (Selangor).

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Lebih 24 hari tiada kes baharu Covid-19

Sidang DUN Pahang beri *standing ovation* buat pasukan Covid-19 di negeri itu sebagai tanda penghargaan

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN
NIK MIN

KUANTAN

Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang ke-14 yang berlangsung di Wisma Sri Pahang di sini semalam memberikan *standing ovation* kepada pasukan Covid-19 di negeri itu sebagai tanda penghargaan. Setiausaha Kerajaan Negeri

Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak berkata, sehingga semalam, Pahang kekal tanpa sebarang kes jangkitan baharu Covid-19 untuk tempoh lebih 24 hari dan tiada kes aktif wabak pandemik itu di hospital di negeri itu.

"Kami yang terlibat secara langsung dalam tugas ini menjunjung kasih atas tunjuk ajar Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Terima kasih juga atas kepimpinan Menteri Besar Pahang,



SALLEHUDDIN ISHAK

Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, sokongan semua Ahli Mesyuarat Kerajaan Pahang serta semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pahang," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sallehuddin berkata, penghargaan tinggi diberikan atas kerja keras dan kerjasama petugas barisan hadapan, ketua jabatan, warga jabatan negeri, persekutuan dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Paling penting penghargaan sewajarnya kepada semua rakyat Pahang yang memberikan sepenuh kerjasama dalam membendung penularan Covid-19 di negeri ini," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI



KHAIRY dan Wang Zhigang bertukar dokumen perjanjian pembangunan vaksin Covid-19 di antara Malaysia dan China semalam.

Vaksin: Malaysia-China meterai perjanjian

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia dan China memeterai perjanjian bagi kerjasama dalam pembangunan vaksin Covid-19 yang selamat dan berkesan.

Perjanjian yang ditandatangani Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dengan rakan sejawatnya dari China, Wang Zhigang secara maya itu akan memastikan Malaysia diberi keutamaan mendapatkan vaksin yang dibangunkan republik itu.

Dalam ciapan Twitternya, Khairy berkata, perjanjian itu

turut membincangkan pembangunan satu pasport kesihatan digital yang tertera maklumat warganegara yang telah divaksin bagi memudahkan kemasukan perjalanan antara kedua-dua negara.

Dalam pada itu, menerusi kenyataan bersama antara Kementerian Luar dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, perjanjian tersebut antara lain mengukuhkan soal perkongsian pengetahuan dan kepakaran selain keupayaan sains dan teknologi untuk mempercepatkan pembangunan vaksin di kedua-dua negara.

"Khairy dan Wang Zhigang

turut bersetuju meningkatkan kerjasama dalam menangani pandemik melalui diplomasi sains.

"Kedua-dua negara juga menyokong penyertaan sektor awam dan swasta termasuk universiti, institusi, masyarakat sivil dan organisasi dalam projek kerjasama itu," katanya di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, perincian perjanjian berkenaan akan dipantau di bawah Jawatankuasa Tertinggi yang dipengerusikan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan rakan sejawatnya, Wang Yi yang diper-

setujui pada 13 Oktober lalu dalam usaha mempromosikan kerjasama dan pendekatan berkesan dalam menangani cabaran pandemik Covid-19.

Kedua-dua negara seterusnya bersetuju menggalakkan dan menyokong syarikat-syarikat berkaitan untuk membangunkan kerjasama bersepadu dalam pembangunan dan penyediaan (R&D) serta pengeluaran vaksin Covid-19

Perjanjian itu kekal dalam tempoh lima tahun dan dilanjutkan secara automatik dalam tempoh setahun lagi sebagaimana dipersetujui oleh kedua-dua pihak

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

Covid-19: Empat kematian, penambahan 660 kes baharu semalam

Kes positif melebihi 50,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Angka kes positif Covid-19 di seluruh negara kini melebihi 50,000 dengan pertambahan 660 kes baharu semalam menjadikan jumlah keseluruhan terkini sebanyak 50,390 kes.

Daripada jumlah kes harian semalam, sebanyak 387 kes atau 58.6 peratus direkodkan di Sabah manakala negeri-negeri di Lembah Klang mencatatkan sebanyak 173 kes iaitu penurunan 345 kes atau 66.6 peratus berbanding kelmarin.

Selain itu, sebanyak 77 kes atau 44.5 peratus daripada 173 kes positif di tiga negeri Lembah Klang adalah daripada kluster-kluster yang dikenal pasti.

Kluster Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara menyumbang sebanyak 171 kes atau 25.9 peratus melibatkan Kluster PTS Tawau (135 kes), Kluster GK Tawau (12 kes), Kluster Tembok (sembilan kes), Kluster Penjara Seberang Perai (enam kes), Kluster Rumah Merah dan Kluster Matambai (masing-masing empat kes) dan Kluster Penjara Sandakan (satu kes).

Terdapat pertambahan empat kes kematian berkaitan Covid-19 di Perak dan Sabah melibatkan



PEKERJA kilang Top Glove di Meru, Klang, Selangor mengambil bekalan makanan dari penghantaran di pintu pagar berikutan asrama pekerja syarikat itu dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sehingga 30 November ini. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

tiga wanita dan seorang lelaki berusia antara 59 hingga 80 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit menjadikan sebanyak 322 kes kematian terkini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Ab-

dullah berkata, terdapat lapan kluster baharu di dikenal pasti semalam dan satu daripadanya Kluster Sabaru di Lahad Datu, Sabah dengan kes indeks ialah saringan bergejala dimasukkan ke Hospital Lahad Datu.

Menurutnya, susulan itu sebanyak 87 lagi kes positif dikesan daripada saringan komuniti di kawasan setempat dan kesemuanya dimasukkan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah, Sepagaya.

"Kluster Tomher pula di Ranau melibatkan 20 kes positif iaitu pekerja buruh binaan hasil saringan kumpulan berisiko tinggi dan telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah, Dewan Kompleks Sukan Ranau.

"Seterusnya, Kluster Garden di Tawau iaitu kes indeks saringan bergejala. Susulan itu, 10 lagi kontak rapat dikesan positif serta dimasukkan ke Hospital Tawau," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Putrajaya-18 pula di Putrajaya, Petaling dan Sepang, Selangor dengan kes indeks saringan bergejala dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh sekali gus mengesan lagi enam kes positif dalam kluster ini.

"Kluster-Murni pula di Cheras dan Kepong, Kuala Lumpur serta Petaling, Selangor melibatkan tujuh kes positif dengan kes indeks saringan bergejala dan kesemuanya dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Bagi Kluster Seri Pasir dikenal pasti di Timur Laut, Pulau Pinang membabitkan 11 kes positif iaitu kes indeks hasil saringan bergejala dan kesemuanya dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang," katanya.

Tapak bina Damnlela ditutup, tidak laksana Temco

PUTRAJAYA: Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco) tidak dilaksanakan di tapak bina Damnlela, Kuala Lumpur walaupun berlaku peningkatan kes Covid-19 di kawasan itu melibatkan pekerja warga asing.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (**gambar**) berkata, ini kerana kawasan tapak pembinaan itu telah ditutup dan kesemua pekerja melakukan ujian saringan Covid-19 melibatkan 3,070 saringan.

Menurut beliau, walaupun peningkatan kes turut berlaku di Lembah Klang ketika ini, namun kerajaan tidak ada perancangan untuk melaksanakan Temco di ketiga-tiga negeri ini, namun hanya dilaksanakan



berdasarkan lokaliti tertentu.

Jelas beliau, Kementerian Sumber Manusia akan membentangkan secara terperinci kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada Jumaat ini berhubung keperluan pelaksanaan saringan untuk kesemua 1.7 juta warga asing di negara ini.

"Ini termasuk soal kos bayaran ujian saringan yang ditanggung sama ada oleh majikan atau pekerja itu sendiri selain isu kemampuan makmal untuk melaksanakan ujian saringan itu.

"Ataupun kita hanya mengarahkan industri-industri yang ada banyak pekerja asing seperti di Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang atau pekerja asing dipakaikan gelang bagi mengawal pergerakan mereka," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kawalan sempadan negara tidak 'lumpuh' malah diperketatkan walaupun terdapat dalam kalangan kakitangan Jabatan Imigresen yang didapati melanggar undang-undang.

Temco di dua kawasan Ipoh, Sandakan

PUTRAJAYA: Berikutan peningkatan kes Covid-19 di Zon B dan Zon C Taman Meru 2C Ipoh, Perak, kerajaan memutuskan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco) dilaksanakan di kawasan itu bermula Jumaat hingga 3 Disember ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sebanyak 938 saringan dilaksanakan dan 76 kes positif direkodkan di kedua-dua lokaliti itu.

Beliau berkata, perintah Temco itu bagi membolehkan pengesanan kes aktif dapat dilakukan dengan berkesan dan menyeluruh melibatkan 2,288 penduduk dan 572 rumah.

Pada masa sama, kata beliau, perintah Temco dilaksanakan di Kamoung Nahaba dan Kampung

Tegudon, Kota Belud, Sabah bagi tempoh sama selepas 36 kes positif direkodkan di situ.

"Pelaksanaan Temco itu melibatkan sebanyak 1,740 penduduk di kedua-dua lokaliti," katanya di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, Temco di Penjara Seberang Perai dan Kuarters Perumahan Penjara Seberang Perai Pulau Pinang dilanjutkan sehingga 2 Disember ini berikutan masih terdapat 75 ujian saringan dalam kalangan banduan, staf dan keluarga yang menunggu keputusan.

Kata beliau, Temco di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Tawau, Penjara Sandakan dan Kuarters Penjara Taman Wira, Sandakan dilanjutkan dalam tempoh sama ekoran terdapat 141 kes aktif manakala 203 sampel saringan lagi masih menunggu keputusan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION



Construction workers leaving work in Kuala Lumpur recently. PIC BY FATHIL ASRI

SINGAPORE MEASURE

FORTNIGHTLY TEST FOR FOREIGN WORKERS?

Govt to talk to construction sector about having regular Covid-19 tests, says Fadillah

ADIB POVERA
KUALA LUMPUR
adibpovera@nst.com.my

THE government is considering emulating the move by Singapore to have foreign construction workers undergo Covid-19 swab tests every two weeks.

Senior Works Minister Datuk Seri Fadillah Yusoff said this was among the measures being considered by the Works Ministry to strengthen the standard operating procedures (SOP) and reduce the transmission of the virus at construction sites, as well as quarters and dorms housing migrant construction workers.

"In Singapore, all foreign workers (in the construction sector) must undergo (Covid-19) swab tests once every two weeks.

"Together with the Housing

and Local Government Ministry, we will conduct engagement sessions with players in the construction sector as well as associations representing contractors before making any decision.

"We will try to conduct the engagements virtually by next week after getting confirmation from all parties involved," he said here yesterday.

He said the ministry was aware that the proposal would increase the operating cost of construction companies.

"We understand that the proposal will result in higher operating costs and the cost of doing business for contractors.

"But contractors will see even more losses if cases are detected at their construction sites due to a lack of preventive measures.

"The ministry will discuss the matter with the Human Resources Ministry on whether the Social Security Organisation can fund part of the cost of swab tests if the proposal is implemented."

Fadillah was asked to comment on the rise in Covid-19 cases among construction workers.

"We are aware of the rise in cases at construction sites.

"We are looking into ways to

mitigate the problem.

"I am glad to note that some major construction companies have taken measures by isolating affected foreign construction workers at hotels and facilities gazetted by the government.

"The Construction Industry Development Board (CIDB) will continue to conduct inspections to ensure all parties in the construction sector comply with the SOP."

Concerns about virus transmission at construction sites arose when the Health Ministry detected the Damanlela construction site cluster on Nov 7.

The cluster has been the highest contributor of new Covid-19 cases in the Klang Valley since Sunday. Up to Monday, 1,132 cases have been linked to the cluster.

The emergence of the cluster has compelled the CIDB to urge all principal contractors to ensure that construction workers undergo Covid-19 swab tests three days before entering construction sites.

CIDB had said that checks with the Health Ministry found that the rise in Covid-19 cases linked to construction sites was due to workers under subcontractors moving from one construction site to another once a project is done.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

PREVENTING A FOURTH WAVE

KING CONSENTS TO BATU SAPI EMERGENCY

Al-Sultan Abdullah concerned about safety of people during pandemic

ADIB POVERA
AND VEENA BABULAL
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah has consented to declare a state of emergency in the Batu Sapi parliamentary constituency in Sabah, which is supposed to have a by-election on Dec 5.

Comptroller of the Royal Household Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin said the king also consented to the postponement of the by-election, and for a new date to be set to prevent a fourth wave of Covid-19 in the country.

The decree followed the advice of Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, who conveyed the decision reached by the cabinet.

The king reached the decision following an hour-long audience, which was granted to Muhyiddin at Istana Negara at 4pm yesterday, and following briefings given by four high-ranking govern-

ment officials regarding the same matter.

"After scrutinising the explanation by the prime minister, and briefings presented by Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali, Attorney-General Tan Sri Idrus Harun, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah and Election Commission chairman Datuk Abdul Ghani Salleh, Al-Sultan Abdullah was satisfied that there is a need to proclaim an emergency based on Article (1) Clause 150 of the Federal Constitution to allow an ordinance to be gazetted under Article (2B) Clause 150 to cancel the date set for the P.185 Batu Sapi by-election in Sabah.

"With the proclamation, all proceedings that have begun for the running of the P.185 Batu Sapi by-election will discontinue to prevent any possibility of a fourth wave of Covid-19 infections.

"A new date for this by-election will be determined," Fadil said in a statement issued by Istana Negara yesterday.

